

LAMPIRAN PEMBERITAHUAN PRODUK untuk Insurans Empunya Rumah

NOTA PENTING: Sila baca Lampiran Pemberitahuan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk mengambil Polisi Insurans Empunya Rumah. Pastikan anda juga membaca dengan terperinci terma-terma dan syarat-syarat amnya.

1. Apakah produk ini?

Polisi ini melindungi bangunan kediaman (rumah) anda terhadap kerugian atau kerosakan disebabkan oleh kebakaran, kilat, petir, kebakaran bawah tanah, letupan, banjir, atau oleh mana-mana peril yang dinyatakan dalam polisi insurans.

2. Apakah perlindungan/faedah yang diberikan?

Polisi ini melindungi:

a) Kerugian atau kerosakan disebabkan oleh peril berikut.

- Kebakaran, kilat, petir, kebakaran bawah tanah dan/atau letupan yang disebabkan oleh gas yang digunakan untuk tujuan domestik.
- Pesawat atau peranti udara yang lain dan/atau benda yang gugur daripadanya, hentaman oleh sebarang kenderaan jalan raya atau binatang bukan kepunyaan atau di bawah kawalan anda atau ahli keluarga anda, pecahnya atau melimpahnya tangki, peralatan atau paip air rumah, kecurian disertai dengan pemecahan masuk ke dalam atau keluar daripada sesebuah bangunan atau sebarang percubaan dengan menggunakan kekerasan dan keganasan sebenar, hurikan, siklon, taufan, ribut angin, gempa bumi, letupan gunung berapi, banjir, rompakan dan tahan di dalam premis harta benda anda.

b) Kerugian sewa (had kepada 10% daripada keseluruhan jumlah diinsuranskan ke atas bangunan).

c) Liabiliti kepada pihak ketiga akibat kemalangan yang berlaku di rumah anda sehingga RM50,000.00.

Anda boleh meluaskan perlindungan kepada risiko-risiko berikut dengan membayar premium tambahan:

- Penenggelaman dan gelinciran tanah.
- Rusuhan, mogok dan kerosakan berniat jahat.
- Liabiliti kepada pihak ketiga akibat kemalangan yang berlaku di rumah anda.
 - (i) RM10.00 untuk tambahan had sehingga RM100,000.00.
 - (ii) RM20.00 untuk tambahan had sehingga RM250,000.00.
- Kerugian atau kerosakan akibat hurikan, siklon, taufan atau ribut kepada cerobong asap logam, bidai kajang, papan tanda, lekapan dan kelengkapan luar termasuk pintu pagar dan pagar.
- Pengubahsuaian, pembaikan dan penambahan.
- Kerosakan kepada cermin kaca.
- Barangan isi rumah dan perabot empunya blok rumah pangsa.
- Penambahan had untuk sewa.

Tempoh perlindungan lazimnya adalah selama setahun. Anda perlu memperbaharui polisi insurans anda setiap tahun.

3. Berapakah jumlah premium yang perlu saya bayar?

Jumlah premium yang anda perlu bayar mungkin berbeza bergantung pada syarat-syarat pengunderaitan syarikat insurans:

- Premium tahunan bagi perlindungan asas untuk rumah berkembar yang dibina daripada dinding bata dan beratap genting bagi jumlah diinsuranskan sebanyak RM100,000.00 ialah RM 112.36.
- Premium tahunan bagi perlindungan tambahan Rusuhan, mogok dan kerosakan berniat jahat ialah RM10.60 (0.01% daripada RM100,000.00).
- Jumlah premium tahunan yang anda perlu bayar adalah RM132.96 (RM122.96 + RM10.00 duti setem).

Note: Premium yang dinyatakan adalah termasuk 6% Cukai perkhidmatan pada 1 September 2018.

4. Berapakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

Yuran dan bayaran yang anda perlu bayar adalah:

Jenis	Amaun
Cukai perkhidmatan	6% daripada premium
Duti setem	RM10.00
Komisen ejen apabila melibatkan seorang pengantara	15% daripada premium

5. Apakah terma dan syarat utama yang perlu saya tahu?

- (i) Kepentingan membuat Pendedahan – MENURUT AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN 2013, Seksyen 129, Jadual 9, Perenggan 5: Adalah menjadikan kewajipan pengguna untuk mengambil penjagaan munasabah untuk tidak membuat salah nyataan kepada penanggung insurans berlesen semasa menjawab apa-apa soalan yang diperlukan yang berkaitan dengan keputusan penanggung insurans sama ada untuk menerima atau tidak risiko dan kadar dan terma yang hendak dipakai.
- (ii) Jumlah Insurans – Jumlah nilai yang diinsuranskan untuk hartanah anda mestilah kos sebenar pembinaan semula termasuk apa-apa pengubahsuaian dan inflasi untuk mengelakkan terkurang insurans. Anda boleh log masuk ke www.kurnia.com untuk menggunakan Kalkulator Kos Bangunan (BCC) sebagai rujukan anda.
- (iii) Purata – jika nilai pasaran harta yang diinsuranskan secara kolektif mempunyai nilai yang lebih besar daripada jumlah yang diinsuranskan seperti yang dinyatakan dalam jadual, maka anda hendaklah bertanggung jawab ke atas perbezaan tersebut dan hendaklah menanggung perkadaran setimpal bagi kerugian tersebut sewajarnya. Perkongsian kadar kerugian diguna pakai secara berasingan terhadap setiap butiran yang diinsuranskan.
- (iv) Insurans lain – jika terdapat sebarang polisi lain yang memberi perlindungan yang sama atau sebahagian daripada kerugian, kerosakan atau liabiliti, kami hanya akan membayar perkadaran setimpal daripada jumlah kerugian, kerosakan atau liabiliti.
- (v) Nilai pasaran – kami akan mengganti rugi anda nilai yang diinsuranskan atau nilai pasaran bagi harta yang diinsuranskan yang mana lebih rendah, dan tertakluk kepada pempotongan sebarang lebihan. Nilai pasaran bermaksud nilai ke atas harta yang

diinsuranskan pada masa berlakunya kerugian atau kerosakan tolak pertimbangan wajar kerana haus dan lusuh dan/atau susutnilai.

- (vi) Lebihan – amaun yang harus anda tanggung sendiri sebelum kami membayar balik kepada anda, adalah dikenakan untuk peril tertentu seperti tuntutan terhadap tangki air domestik melimpah (RM50.00), ribut angin, gempa bumi dan banjir (1% daripada keseluruhan jumlah yang diinsuranskan ke atas bangunan atau RM200.00 yang mana lebih rendah).
- (vii) Asas nilai pengembalian semula – kami akan membayar kos pembaikan/pembaikpulihan harta yang rosak tanpa sebarang potongan dibuat ke atas susut nilai dan/atau haus dan lusuh tetapi tertakluk kepada lebihan dan/atau pembaikan. Syarat purata akan diguna pakai sekiranya nilai diinsuranskan kurang daripada nilai pasaran.
- (viii) Waranti premium – insurans premium mestilah dibayar dan diterima oleh syarikat / ejen yang sah dalam tempoh 60 hari dari tarikh polisi berkuat kuasa. Sekiranya syarat ini tidak dipatuhi maka polisi ini secara automatik adalah terbatal dan kami adalah berhak kepada premium pro rata sepanjang tempoh mereka menanggung risiko.
- (ix) Waranti Larangan Barang Niaga – bangunan yang diinsuranskan tidak boleh digunakan untuk membuat atau meletak atau menyimpan barang niaga semasa polisi berkuat kuasa.

6. Apakah pengecualian utama di dalam polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi kerugian tertentu seperti:

- Kerugian atau kerosakan kepada isi rumah;
- Kerugian atau kerosakan disebabkan mendapan dan gelinciran tanah, rusuhan, mogok dan kerosakan berniat jahat;
- Perlindungan bagi kecederaan membawa maut kepada Pihak Diinsuranskan; dan
- Peperangan, keganasan, perang saudara dan pencemaran radioaktif.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila merujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian yang terkandung di bawah polisi ini.

7. Bolehkah saya batalkan polisi ini dan apakah caranya untuk membatalkan?

Anda boleh membatalkan polisi ini pada bila-bila masa dengan memberi notis secara bertulis kepada kami. Anda berhak untuk mendapat bayaran balik premium setelah kami caj kepada anda berdasarkan kadar jangka pendek yang lazim atau premium minimum yang harus dibayar di bawah polisi ini, yang mana lebih tinggi.

Kadar Jangka Pendek

Tempoh tidak melebihi	Peratusan (%) bayaran balik
15 hari	90
1 bulan	80
2 bulan	70
3 bulan	60
4 bulan	50
5 bulan	40
6 bulan	30
7 bulan	25
8 bulan	20
9 bulan	15
10 bulan	10
11 bulan	5
12 bulan	0

8. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya ada perubahan maklumat hubungan saya?

Adalah penting bagi anda memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan kepada maklumat terperinci anda bagi memastikan yang kesemua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada waktunya.

9. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut mengenai Insurans Empunya Rumah/IsiRumah, sila rujuk kepada risalah infoinsurans mengenai 'Insurans Empunya Rumah/IsiRumah', yang boleh didapati di semua cawangan kami atau anda boleh mendapatkan senaskhah salinan daripada ejen insurans atau layari www.insuranceinfo.com.my

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

AmGeneral Insurance Berhad

Menara Shell,
No. 211, Jalan Tun Sambanthan,
50470 Kuala Lumpur, Malaysia.
Talian Bebas : 1-800-88-6333
Emel : customer@kurnia.com
Laman Web : www.kurnia.com

10. Lain-lain jenis perlindungan insurans serupa yang disediakan:

Insurans Kebakaran^{Tarif}
Insurans Fire 365

NOTA PENTING:

ANDA HARUS MEMASTIKAN HARTA ANDA DIINSURANSKAN PADA AMAUN YANG BERPATUTAN. ANDA HARUS BERPUAS HATI YANG POLISI INI AKAN MEMENUHI KEPERLUAN ANDA SEBAIK MUNGKIN. ANDA SEPATUTNYA MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS INI DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ANDA ATAU MENGHUBUNGI TERUS SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

AmGeneral Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Informasi yang dibekalkan dalam lampiran pemberitahuan ini adalah sah pada 13 December 2019.